



OPERASI membersihkan sebanyak 8.8 tan sampah dan mengitar semula 250kg sisa pada hari terakhir Bazar Aidilfitri di Lorong TAR Kuala Lumpur.

## HARI TERAKHIR BAZAR AIDILFITRI LORONG TAR

# 8.8 tan sampah dikutip

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi  
mhafis@mediaprima.com.my

### Kuala Lumpur

**D**ewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membersihkan sebanyak 8.8 tan sampah dan mengitar semula 250 kilogram (kg) sisa pada hari terakhir Bazar Aidilfitri di Lorong Tuanku Abdul Rahman (Lorong TAR), Kuala Lumpur.

DBKL berkata, operasi pembersihan intensif ini dijalankan bagi memastikan kawasan terbabit kekal bersih selepas tamatnya aktiviti perniagaan di bazar yang menjadi tumpuan ribuan pengunjung sepanjang bulan Ramadan.

Menurutnya, selain itu, sebanyak 250 kg sampah berjaya di kitar semula yang terdiri daripada plastik, kertas, dan aluminium berjaya dipungut dan dihantar ke pusat kitar semula bagi diproses.

“Operasi ini melibat-

kan pasukan pembersihan DBKL dengan kerjasama Alam Flora Sdn Bhd yang bertindak pantas membersihkan kawasan sebaik sahaja bazar ditutup.

“Fokus utama adalah untuk memastikan longkang, laluan pejalan kaki, dan kawasan sekitarnya bebas daripada sisa sampah dan kekotoran,” katanya dalam satu kenyataan.

Katanya, DBKL menegaskan bahawa amalan menjaga kebersihan adalah tanggungjawab bersama dan menggalakkan semua pihak, termasuk peniaga dan pengunjung, untuk mengamalkan konsep Sifar Sisa bagi mengurangkan impak negatif kepada alam sekitar.

“Usaha ini mencerminkan komitmen DBKL dalam memastikan Kuala Lumpur kekal bersih, indah, dan selesa untuk semua, terutamanya di lokasi tumpuan seperti Lorong TAR yang menjadi mercu tanda utama semasa musim perayaan,” katanya.